

Headline	Ada perang saudara dalam UMNO?		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	07 Mar 2021	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	6	ArticleSize	319 cm ²
AdValue	RM 6,763	PR Value	RM 20,288



Ada perang saudara dalam UMNO?

Susulan kewujudan dua kem yang mempunyai pendirian berbeza dalam parti itu

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

SHAH ALAM

Pemerhati dan penganalisis politik menjangkakan 'perang saudara' dalam UMNO bakal meletus susulan pendirian parti itu yang tidak mahu bekerjasama dengan Perikatan Nasional (PN) dalam Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15).

Menurut mereka, bibit-bibit peperangan itu sememangnya telah lama timbul selepas wujud dua kem yang mempunyai pendirian berbeza berhubung kerjasama dengan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) yang diterajui Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Kewujudan dua kem dalam UMNO iaitu kumpulan yang mahu kekal memberikan sokongan kepada PN seperti mana yang termaktub dalam Muafakat

Nasional (MN) dan satu kumpulan lagi 'berminat' untuk bekerjasama dengan Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan DAP sememangnya telah menjadi rahsia terbuka parti tersebut.

Dalam masa sama, gerakan menjatuhkan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang kerap dibangkitkan sejak akhir-akhir ini mungkin diperhebatkan apatah lagi ada ahli dan pemimpin parti menzahirkan penolakan itu secara terbuka.

Ketua Kluster Governans dan Integriti Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM), Profesor Dr Ahmad Marthada Mohamed berkata, dua pendirian berbeza itu menyebabkan parti terbesar orang Melayu kini terbahagi dua.

"Kita lihat pertembungan kedua-dua pihak inilah yang menyebabkan Majlis Kerja Terting-



AHMAD MARTADHA



MUJIBU

gi (MKT) UMNO membuat keputusan bahawa mereka tidak mahu lagi bekerjasama dengan Bersatu.

"Namun, bagi saya keputusan MKT ini bukan satu keputusan sebulat suara daripada akar umbi. Jadi sebab itulah kalau kita lihat keputusan ini banyak disanggah oleh kepimpinan UMNO sendiri," katanya ketika dihubungi *Sinar Ahad* pada Sabtu.

Pandangan sama turut disokong Pensyarah Kanan Sains Politik, Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM),

Mujibu Abd Muis.

Menurut Mujibu, salah satu faktor utama wujudnya perpecahan dalam UMNO ketika ini ialah disebabkan parti itu tidak lagi menjadi kerajaan.

"Bila tidak lagi jadi kerajaan seperti mana dalam budaya kepimpinan UMNO dahulu, yang menjadi pimpinan tertinggi par-

ti itu adalah orang yang menjadi pemimpin dalam kerajaan.

"Tapi apa yang berlaku sekarang ini kebanyakan pimpinan tertinggi parti seperti Presiden, Timbalan Presiden tidak menjadi ahli Kabinet. Kalaulah jawatan Timbalan Perdana Menteri diwujudkan dan diberikan kepada

presiden (UMNO), barangkali ini tidak menyumbang kepada permasalahan yang ada," kata beliau.

Jelasnya, ada kebarangkalian perang saudara UMNO akan menjadi lebih besar sekiranya pemilihan parti diadakan dalam masa terdekat ini.